

23 JANUARI 2018

## Kempunan RM6.3 juta

di Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang, semalam.

**Hadzlihady Hassan**  
hadzlihady@hmetro.com.my

**Georgetown**

**B**elum sempat membungkus dadah untuk dijual, seorang lelaki diberkas dalam serbuan di sebuah rumah di Bukit Mertajam, Jumaat lalu.

Difahamkan, stok syabu seberat 90 kilogram bernilai RM6.3 juta itu dipercayai baru tiba dan belum sempat dibungkus untuk diedarkan.

Serbuan jam 4 petang itu dibuat selepas risikan sejak beberapa bulan lalu dan hasil maklumat awam.

Susulan penahanan suspek berusia 31 tahun, polis turut menahan rakannya berusia 41 tahun dalam kereta di Pulau Tikus di sini.

Kedua-dua suspek yang ditahan itu rakan kongsi dan mereka belum merasa wang hasil pengedaran dadah berkenaan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSN) Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, polis turut menyita RM3,150 dan dua kereta milik suspek iaitu Honda Accord dan Honda City.

"Kami turut membekukan tiga akaun bank milik suspek yang mempunyai wang berjumlah RM500,000.

"Kedua-dua suspek direman enam hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan dilakukan bagi mengenal pasti rangkaian pengedaran syabu berkenaan termasuk punca ia diperoleh serta pasarannya.

**Kempunan RM6.3 juta**

■ Dua rakan kongsi tak sempat bungkus 90kg syabu ditahan



SYABU yang dirampas daripada suspek dalam serbuan di sebuah rumah di Bukit Mertajam, Jumaat lalu.